

Terapi Sifat Sombong menurut Teori Spiritual al-Ghazali dan al-Muhasibi

BITARA

Volume 6, Issue 1, 2023: 1-10
 © The Author(s) 2023
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 9 December 2022
 Accepted: 29 December 2022
 Published: 21 January 2023

[Arrogance Therapy According to the Spiritual Theory of al-Ghazali and al-Muhasibi]

Nur Syazana Adam¹ & Syed Hadzrullathfi Syed Omar^{1*}

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: nursyazana.adam@gmail.com; sylutfi@unisza.edu.my

* Corresponding Author: sylutfi@unisza.edu.my

Abstrak

Sifat sompong atau dalam Bahasa Arab, al-takbur merupakan salah satu sifat madhmumah yang menyebabkan jiwa pemiliknya sakit dan perlu disucikan daripada jiwa. Sifat sompong dapat didefinisikan sebagai suatu sifat yang menjadikan seseorang itu memperbesar-besarkan dirinya dengan sesuatu yang dimiliki dan dirasakan dirinya mempunyai kelebihan berbanding dengan insan di sekelilingnya. Oleh yang demikian, artikel ini cuba mengetengahkan perbincangan tentang terapi jiwa yang ditonjolkan oleh dua orang tokoh tasawuf silam muktabar iaitu al-Ghazali dan al-Muhasibi dalam merawat sifat sompong daripada terus menguasai jiwa seseorang individu. Justeru, kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metode pengumpulan data dengan menjadikan karya-karya yang telah dihasilkan oleh al-Ghazali dan al-Muhasibi sebagai rujukan utama. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode deskriptif bagi menghasilkan dapatan kajian. Kajian mendapati bahawa sifat sompong adalah antara faktor utama yang mendorong seseorang untuk memandang rendah terhadap potensi yang dimiliki oleh individu lain. Di samping itu, dengan memiliki sifat ini juga akan menjadikan pemiliknya cenderung untuk memiliki sifat-sifat tercela yang lain yang akan menyebabkan jiwa semakin berada dalam keadaan yang lebih kritikal. Kajian menyimpulkan bahawa sifat sompong tidak sepatutnya tertanam di dalam jiwa Muslim kerana Allah SWT amat membencinya.

Kata kunci: Terapi Jiwa, Sombong, Teori Spiritual, al-Ghazali, al-Muhasibi.

Abstract

Arrogance or in Arabic, al-takbur is one of the madhmumah traits that cause the owner's soul to be sick and needs to be purified from the soul. Arrogance can be defined as a trait that makes a person exaggerate himself with something he owns and feels he has an advantage compared to the people around him. Therefore, this article tries to highlight the discussion about soul therapy highlighted by two figures of Sufism from the past, namely al-Ghazali and al-Muhasibi in treating pride rather than continuing to control the soul of an individual. Thus, this qualitative study uses the data collection method by making the works that have been produced by al-Ghazali and al-Muhasibi the main reference. All the data obtained were analyzed using the descriptive method to produce research findings. The study found that arrogance is one of the main factors that encourage a person to look down on the potential possessed by other individuals. In addition, having this trait will also make the owner tend to have other reprehensible traits that will cause the soul to be in a more critical state. The study concluded that arrogance should not be embedded in the Muslim soul because Allah SWT hates it.

Keywords: Psychotherapy, Arrogance, Teori Spiritual, al-Ghazali, al-Muhasibi.

Cite This Article:

Nur Syazana Adam & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2023). Terapi Sifat Sombong Menurut Teori Spiritual al-Ghazali dan al-Muhasibi [Arrogance Therapy According to the Spiritual Theory of al-Ghazali and al-Muhasibi]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 1-10.

Pengenalan

Sifat sompong merupakan salah satu daripada sepuluh sifat *madhmumah* yang utama dibincangkan oleh al-Ghazali di dalam karyanya, *al-Arba'in Fī Uṣūl al-Dīn*. Begitu juga dengan tokoh-tokoh sufi muktabar lain seperti al-Muhasibi yang turut membincangkan isu yang berkaitan dengan sifat sompong ini. Menelusuri kajian literatur, kebanyakan kajian hanya memberi penumpuan terhadap perbincangan tentang sifat sompong tanpa memberikan terapi dalam menghakis sifat tersebut (Nuri et. al., 2017; Taufikurrahman, 2021). Meneliti definisi sifat sompong yang ditonjolkan oleh tokoh-tokoh sufi muktabar seperti al-Ghazali dan al-Muhasibi, sifat ini dapat didefinisikan sebagai suatu sifat membesar diri yang terdapat pada seseorang individu yang menjadikannya merasa lebih daripada orang sekeliling dengan memiliki nikmat dari sudut kecantikan, harta, pangkat, zuriat keturunan dan sebagainya serta cenderung untuk memperlekehkan individu di sekelilingnya. Manakala, dari sudut pengaplikasian, sifat ini dapat dikesan apabila jiwa terdetik dengan rasa membesar diri sendiri dan melihat orang di sekelilingnya mempunyai kekurangan (Taufikurrahman, 2021). Hakikatnya, sifat sompong ini hanya layak milik Allah SWT dan tidak sepatutnya disandarkan kepada diri makhluk seperti manusia.

Artikel ini cuba mengkaji tentang sifat sompong berdasarkan teori spiritual dua orang daripada tokoh-tokoh sufi muktabar iaitu al-Ghazali dan al-Muhasibi. Kedua-dua tokoh ini dilihat mempunyai pandangan yang tersendiri tentang sifat sompong. Oleh yang demikian, satu kajian yang berbentuk analisis kandungan telah dilakukan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian sama ada dengan merujuk jurnal, artikel ataupun buku. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan melakukan penilaian yang mendalam terhadap pandangan al-Ghazali dan al-Muhasibi tentang sifat sompong dan kaedah terapi yang diperlukan dalam menghakis sifat tersebut agar tidak terus bermaharajalela di dalam jiwa setiap insan daripada perspektif akademik. Oleh itu, kenyataan tentang biodata ringkas tentang kedua-dua tokoh ini dilihat menjadi suatu keperluan pada bahagian pendahuluan artikel ini.

Al-Ghazālī atau Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī telah dilahirkan di Tüs (bandar kedua di Khurasan selepas Naisabur) pada Dzu al-Qa'idah 450H/ 1058M. Beliau telah meninggal dunia pada waktu subuh, hari Isnin yang bertarikh 14 Jamādi al-Akhir 505H/ 18 Disember 1111M (al-Ghazālī, 1988; Nabil, 2000; Muhammad Edi, 2011; Ahmad Sahar, 2012; Khairani, 2012; Zidni Nuran & Zaizul, 2017). Beliau mendapat gelaran al-Ghazālī kerana disandarkan kepada tempat kelahirannya iaitu Ghazalah (Rosni Wazir et. Al., 2020). Ketika hayatnya, al-Ghazālī yang pernah menjadi tenaga pengajar di Nizāmiyyah, Baghdad (Indra, 2016) telah menghasilkan banyak karya. Antara karya beliau ialah *Maqasid al-Falasifah*, *al-Ma'arij al-Aqaliyah*, *Ihya*; 'Ulūm al-Dīn, *Bidāyah al-Hidāyah*, *Tarbiah al-Awlād*, *al-Arba'in Fī Uṣūl al-Dīn*, *al-Munqid Min al-Dhalal*, *Mizan al-Amal*, *Kimiya al-Sa'adah*, *Minhaj al-Abidin*, *al-Tibr al-Masruk Fi Nasihat al-Muluk*, *al-Mustashfa fi*

Uṣul, Misykatul Anwar, Ayyuhal Walad, al-Adab Fī al-Dīn, al-Risalah al-Laduniyyah, al-Mustazhiri, Sirr al-Alamain, Fath al-Ulum, al-Wajiez, al-Iqtīṣad fi al-‘Iktaqād, Suluk al-Sultaniyyah, Jawahir al-Qurān, Qawa’idul Aqa’id, Faiṣal al-Tafriqah Bainā Islām wa Zanadiqah dan banyak lagi (Khairani, 2012; Habib Bawafi, 2020).

Tokoh yang kedua iaitu al-Muhasibi atau Abī ‘Abd Allah al-Hārith bin Asad al-Muḥasibī r.a. Beliau telah dilahirkan Basrah, Iraq pada tahun 781M/ 165H dan meninggal dunia di Baghdad pada tahun 243H/ 857M (al-Qushayrī, 1989; Norfadilah & Faudzinaim, 2019). Gelaran al-Muhasibi yang telah diperolehi adalah kerana beliau merupakan seorang yang sangat bersungguh-sungguh dalam mengaplikasikan metode *muhasabah al-nafs* dalam kehidupan seharian (Norfadilah & Faudzinaim, 2019). Beliau juga merupakan tokoh sufi pada abad kedua Hijrah Al-Muhasibi banyak menghabiskan masa hidupnya di Baghdad keran sejak di zaman kanak-kanak lagi beliau telah mula mempelajari al-Qurān, ilmu kalam, fiqhah, hadis, tasawuf dan bahasa dengan para ilmuwan terkenal di sana. Antara guru-guru beliau ialah Abu ‘Abd Allah Muhammad Bin Idris al-Shafī’i (w. 204H/ 820M), ‘Abd Allah Ibn Kulab (w. 241H/ 855M) dan Abu al-Fuyd Dhu al-Nun al-Misri (w. 245H/ 859M). Karya-karya beliau pula ialah *al-Ri’ayah Li Huqūq Allah* (al-Sulamī, 1998; Merita Dian Erina et. al., 2022), *Mu’atabah al-Nafs* (al-Muḥāsibī, 1983), *Kitab Fi al-Takkafur wa al-I’tibar*, *Kitab al-Nasha’i*, *Fahm al-Qurān*, *Fahmu al-Hadīth*, *Kitab al-Azamah* (Norfadilah & Faudzinaim, 2019; Merita Dian Erina, et. al., 2022), *Adab al-Nufus*, *Risalah al-Mustarshidun* dan sebagainya (Norfadilah & Faudzinaim, 2019).

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, kaedah analisis dokumen telah digunakan dengan menjadikan karya al-Ghazali, *al-Arbai’ n Fī Uṣūl al-Dīn* sebagai rujukan utama. Di samping itu, karya-karya yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh tasawuf lain juga turut dirujuk selain daripada jurnal dan artikel. Semua data kajian yang dikumpulkan termasuk data yang berbentuk transkripsi temu bual telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Sombong dari Sudut Bahasa dan Istilah

Al-kibr atau takbur ialah merasa dirinya lebih baik daripada orang lain, yakin dirinya lebih hebat daripada orang lain dan lebih sempurna daripada orang lain. Dengan hadirnya perasaan seperti ini, akan timbul suatu rasa bangga terhadap keyakinan-keyakinan tersebut dan mempunyai tanggapan bahawa orang lain mempunyai kekurangan berbanding dengannya.

Manakala di dalam al-Qurān juga disebutkan oleh Allah SWT tentang larangan terhadap sifat somborg secara terang-terangan (al-Ghazali, 1988). Hal ini, sebagaimana yang difirman oleh Allah SWT:

وَلَا تُصَبِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu memalingkan wajah dari manusia (kerana sompong) dan janganlah berjalan di bumi dengan angkuh. Sungguh, Allah tidak menyukai orang-orang yang sompong dan membanggakan diri” (Surah Luqman: 18)

Berdasarkan potongan ayat di atas, Ibn Kathir telah menafsirkan tentang larangan terhadap orang yang memalingkan muka ketika berbicara dengan orang lain atau sebaliknya dengan mempunyai rasa sompong di dalam jiwa. Di samping itu dianjurkan juga kepada orang Muslim agar bercakap dengan lemah lembut. Berkait dengan ayat ini, Ibn Abbas juga turut menyatakan bahawa ayat ini jelas menunjuk kepada larangan terhadap sikap sompong dan menganggap individu lain hina dengan memaling muka apabila bercakap dengan individu tersebut dan sesungguhnya sikap sompong serta angkuh adalah antara sifat yang amat dibenci oleh Allah SWT (al-Ghazali, 2003), Firman Allah SWT:

وَلَا تَمْسِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَنْ تَخْرُقَ الْأَرْضَ وَلَنْ تَبْلُغَ الْجِبَالَ طُولًا

Maksudnya: Dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan sompong, karena sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembus bumi dan tidak akan mampu menjulang setinggi gunung”. (Surah al-Isra’: 37)

Berdasarkan ayat al-Quran, Surah al-Isra’, ayat 37 di atas, Ibn Kathir telah menafsirkan bahawa ayat ini merupakan larangan berjalan dalam keadaan angkuh dan sompong. Dalam hal ini, Ibn Jarir turut menafsirkan tentang ungkapan seorang penyair yang bernama Rubah Ibn al-Ajjaj: “dan suatu tempat yang jauh di kawasan pendalaman yang tidak ada satu pun jalan yang dapat dilalui”.

Dalam kenyataan ini, dapat difahami bahawa memiliki sifat yang diiringi dengan langkah yang angkuh dan membesar diri tidak akan membawa pemiliknya memiliki kedudukan setinggi gunung malah individu tersebut akan mendapat balasan sebaliknya.

Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالٌ ذَرَّةٌ مِنْ كَبْرٍ

Maksudnya: “Tidak akan masuk syurga sesiapa yang di dalam hatinya mempunyai sifat sompong walaupun sebesar zarah” (Muslim, 2013)

Berdasarkan potongan ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w., dapat disimpulkan bahawa, sifat sompong atau bangga diri merupakan sesuatu yang amat dilarang dalam Agama Islam hingga Allah SWT dan baginda s.a.w. menyatakannya di dalam al-Quran dan hadis. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa larangan yang dinyatakan itu seandainya tidak diikuti akan membawa seseorang individu yang memiliki bergelumang dengan dosa tanpa disedari.

Sombong Daripada Perspektif Al-Ghazali (W. 505h) Dan Al-Muhasibi (W. 243h)

Sifat sompong menurut al-Ghazali ialah membesarkan diri dan memandang orang di sekelilingnya rendah dan hina kerana kelebihan atau nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepadanya (al-Ghazali, 2003). Justeru itu, terdapat beberapa keburukan sifat sompong yang telah digariskan oleh al-Ghazālī, iaitu:

1. Bersaing dengan Allah SWT kerana sifat sompong adalah sifat khusus bagiNya.
2. Menentang kebenaran dan memandang rendah terhadap orang lain.
3. Sifat sompong akan menjadi benteng antara pemiliknya dan akhlak terpuji (al-Ghazālī; 2003).

Di samping itu, al-Ghazali telah menyatakan bahawa terdapat empat faktor utama yang mendorong seseorang memiliki sifat sompong, pertama kerana ilmu yang dimiliki hingga timbul dalam hati rasa kagum dalam terhadap diri sendiri. Dalam hal ini, al-Ghazālī telah menyarankan agar individu terbabit merenung tentang asal usul kejadian manusia daripada permulaan kehidupan hingga akhir hayatnya di dunia ini supaya terhakis sifat sompong dan bangga diri. Justeru, ia memerlukan proses *mujahadah al-nafs* kerana untuk menghakis tersebut bukan sesuatu yang mudah. Oleh yang demikian, sifat sompong mesti diperangi hingga ke dasarnya. Dalam hal ini, beliau telah menjelaskan beberapa sebab yang menjadikan seseorang itu sompong. Pertama, melalui ilmu pengetahuan yang dipelajari. Ini kerana, dengan ilmu yang dimiliki boleh menjadi penyebab manusia dihina oleh Allah SWT kerana syaitan akan menyuburkannya dengan sifat takbur. Contohnya, apabila seseorang merasa berilmu pasti akan mendorongnya untuk merasa hebat sama ada dengan memiliki ilmu keduniaan ataupun ilmu akhirat. Ilmu tersebut akan diangkat hingga ke langit oleh malaikat namun dilontarkan semula kepada tuannya (al-Ghazālī, 2003).


Kedua, ialah sifat warak dan banyak melakukan ibadah terhadap Allah SWT dan merupakan sesuatu yang amat disuruh olehNya. Namun, kadang kala dengan ibadah yang dilakukan akan menghadirkan perasaan sompong dan merasa diri hebat dengan ibadat yang dilakukan. Walau bagaimanapun, perasaan ini amat sukar untuk dihilangkan. Justeru itu, dianjurkan kepada seseorang ahli ibadat supaya memiliki sikap bahawa apabila memandang orang yang alim, maka akan timbul perasaan hina dalam dirinya dan apabila melihat orang yang fasik, akan hadir dalam jiwanya bahawa orang yang fasik juga mempunyai sebahagian daripada sifat yang baik dan mungkin akan diberi petunjuk oleh Allah SWT pada masa akan datang. Di samping itu, mereka juga mesti pupuk rasa diri lemah, hina hingga Allah SWT meredainya dan mampu berjumpa denganNya di akhirat (al-Ghazālī, 2003).

Ketiga, seseorang akan memiliki sifat sompong disebabkan oleh perasaan bangga dengan nasab dan keturunannya. Bagi merawat masalah ini, seseorang yang terlalu berbangga dengan nasab keturunan seharusnya merenung asal usul kejadian setiap manusia yang berasal daripada setitis air mani yang hina. Di samping itu, mereka mesti mengingatkan diri bahawa walaupun nenek moyang memiliki kedudukan dan ahli agama dalam kalangan masyarakat,

mereka tidak sompong dengan kedudukan yang dimiliki itu. Malah, perkara tersebut lebih membuatkan mereka semakin merendah diri di hadapan manusia dan semakin merendah diri di hadapan Allah SWT. Oleh yang demikian, tidak sepatutnya sifat sompong muncul dalam diri generasi selepas itu kerana mereka tidak mempunyai sebarang kelebihan berbanding dengan generasi terdahulu dan hanya keturunan orang yang hebat bukan diri mereka sendiri yang hebat (al-Ghazālī, 2003).

Keempat, sompong disebabkan oleh harta, rupa paras dan mempunyai ramai pengikut. Sombong dengan nikmat-nikmat yang dimiliki ini merupakan sesuatu yang bodoh kerana harta, rupa paras dan pengikut merupakan sesuatu yang tidak akan kekal bersama pemiliknya. Jadi, untuk menghakis sifat ini, pemiliknya mesti merenung ke dalam jasad mereka yang mengandungi kotoran berupa najis yang berbau busuk dan mereka sentiasa membawanya bersama ke mana sahaja mereka pergi. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa manusia sentiasa memiliki kekurangan walaupun dalam kehidupan mereka dikurniakan dengan harta yang melimpah ruah, rupa paras yang elok dan pengikut yang ramai (al-Ghazālī, 2003).

Rajah 1: Empat Faktor Utama Yang Mendorong Sifat Sombong Menurut al-Ghazali



Manakala, sompong atau takbur menurut al-Muhasibi merupakan suatu penyakit yang paling besar di dalam jiwa manusia yang mampu mengundang kemurkaan Allah SWT dan mampu memberi kemudaratuan bukan sahaja terhadap jiwa malah turut memberi kesan negatif terhadap tingkah laku dan perbuatan. Sifat ini juga mempunyai perkaitan dengan sifat hasad dengki, bangga diri (merasa kagum dengan diri sendiri dan apa yang dimiliki) dan juga riak (al-Muhasibi, 1983).

Terapi Merawat Sifat Sombong menurut al-Ghazali dan al-Muhasibi

Berkait dengan terapi merawat sifat sompong, al-Ghazālī (2003) melalui teori psikospiritual telah menyarankan beberapa kaedah dalam merawat sifat tersebut. Pertama, beliau menyarankan agar seseorang individu itu mengenal kedudukan diri yang hina dan tidak mempunyai sebarang nilai di sisi Allah SWT andai Allah SWT tidak memberi sesuatu nikmat kepadanya. Hal ini kerana, hakikat kejadian manusia adalah berasal daripada tanah yang pijak, kemudian daripada setitis air mani, kemudian segumpal darah, kemudian seketul daging tanpa pendengaran, penglihatan, nyawa dan kekuatan. Kemudian, setelah dihidupkan oleh Allah SWT untuk suatu tempoh di dunia ini, manusia saling bersaing untuk merebut kuasa, kekayaan, kemewahan dunia hingga tanpa menyedari bahawa kematian semakin hampir menjemput mereka. Sekiranya setiap manusia merenung hakikat kejadian mereka di dunia ini, pasti sifat sompong tidak akan wujud dalam diri mereka (al-Ghazālī; 2003). Sebagaimana kata Hasan al-Basri kepada orang yang berjalan dengan sompong:

“Berjalan seperti ini tidak layak untuk orang yang mempunyai kotoran di dalam perutnya”.

Kedua, al-Ghazālī (2003) turut menyatakan bahawa untuk menangkis sifat sompong, seseorang itu mesti tidak menceritakan kepada orang lain tentang sesuatu kelebihan yang dimiliki olehnya. Ini kerana, hakikat manusia adalah tidak mempunyai apa-apa dan setiap yang dimiliki di dunia hanya pinjaman daripada Allah SWT (al-Ghazali, 2003).

Rajah 2: Terapi Merawat Sifat Sombong Menurut al-Ghazali




Terapi Merawat Sifat Sombong Menurut al-Ghazali

Dalam merawat sifat ini, al-Muhasibi telah memberi beberapa terapi sebagai penawar dalam membendungnya iaitu penerapan elemen *muhasabah* (merenung dan menghitung setiap apa yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari), *riyadah* (latih tubi dalam memupuk sifat-sifat terpuji agar secara perlahan-lahan dapat memupuk sifat-sifat positif seperti takut kepada Allah SWT, pengharapan dan mengingati kematian) dan *mujahadah al-nafs* (menekang tuntutan

hawa nafsu agar tidak cenderung dalam melakukan kemaksiatan dan kemungkaran terhadap Allah SWT) (al-Muhasibi, 1983).

Selain itu, al-Muhasibi juga menyarankan agar sentiasa mengenal pasti keadaan *al-qalb* (hati). Di samping itu, seseorang yang ingin menyucikan hati atau jiwa juga perlulah memiliki *i'tiqad* (keyakinan) untuk sentiasa *tawaddu'* (merendah diri) kepada Allah SWT dan dalam masa yang sama berusaha untuk menghilangkan perasaan bangga diri dalam jiwa tersebut (Siti Mahfuzah, 2002).

Rajah 3: Terapi Merawat Sifat Sombong Menurut al-Ghazali Dan al-Muhasibi



Berdasarkan perbincangan al-Ghazali dan al-Muhasibi tentang terapi merawat sifat sompong, dapat dirumuskan bahawa seandainya kaedah terapi yang ditonjolkan oleh kedua-dua tokoh ini mampu dijadikan panduan dalam kehidupan seseorang pasti individu terbabit akan menjalani kehidupan dalam keadaan bebas daripada perasaan hasad, bangga diri dan juga riak.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, sifat sompong merupakan salah satu sifat *madhmumah* utama yang banyak memberi kebinasaan kepada pemiliknya dan merupakan salah satu dosa besar kepada mereka yang mengaplikasikannya dalam kehidupan. Selain itu, keburukan sifat ini juga turut difirmankan Allah SWT di dalam al-Quran dan disabdakan oleh Nabi s.a.w. sebagai peringatan kepada umat Islam. Oleh hal yang demikian, al-Ghazali dan al-Muhasibi yang merupakan antara tokoh sufi muktabar zaman awal perkembangan tasawuf telah membincangkan tentang keburukan sifat ini di samping turut mengemukakan beberapa saranan dalam menghakisnya

daripada jiwa agar terhindar daripada keburukan sifat ini. Ini kerana, kehidupan sehari-hari tidak akan harmoni seandainya segelintir daripada anggota masyarakat masih memiliki sifat ini dalam jiwa mereka.

Rujukan

- Ahmad Sahar. (2012). Pandangan al-Ghazali Tentang Pendidikan Moral. *Jurnal al-Nur*, 4(2): 203- 224.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (1988). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Markaz al-Ihtiram Li al-Tarjamah Wa al-Nasyr.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (2003). *Al-Arbain Fi Usul al-Din*. Beirut : Dar al-Shamiyyah.
- Habib Bawafi. (2020). Meneguhkan Akhlak Sebagai Pendidikan Karakter Islam (Kajian Pemikiran Imam al-Ghazali). *Jurnal Al Hikmah*. 2(1): 123- 140.
- Indra Ari Fajari. (2016). Klafikasi Ilmu Pengetahuan Menurut Imam al-Ghazali. *Kontemplasi*, 4(2): 299- 316.
- Khairani Zakaria @ Abd Hamid. (2012). Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali,: Aplikasinya Dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama Di Negeri Kedah, Malaysia. *ATIKAN*, 70- 94.
- Merita Dian Erina, Riza Febriyanti AK, Isna Fitri Choirun Nisa & Wahyudin Darmalaksana,. (2022). Tasawuf Akhlaki Haris Al-Muhasibi: Alternative Solutions to Face Problems in the Modernization Era. *Spirituality and Local Wisdom*, 1(2): 1- 15.
- Muhammad Edi Kurnanto. (2011). Pendidikan Dalam Pemikiran I-Ghazali. *Jurnal Khatulistiwa- Journal of Islamic Education*, 1(2): 161- 176.
- al-Muhasibi, (1983). *Risalah al-Mustarshidin*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muslim, Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naisaburi, (2013). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Alamiyyah.
- Norfadilah Abdul Rahman & Faudzinain Badaruddin, . (2019). Pembangunan Insan Menurut Perspektif Iman al-Harith al-Muhasibi. *al-Takamul al-Ma'rifi*, 2(2): 132- 153.
- Nuri Meilan, Kholid Al-Walid & Solehuddin,. (2017). Makna AlMutakabbir Dalam Al-Quran (Studi Kajian Semantik). *Al-Bayan: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir* 2, 37- 44.
- al-Qushayri, Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Hawazin bin 'Abd al-Malik al-Naisaburi al-Syafie. (1989). *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Kaherah : Dar al-Sha'b.
- Rosni Wazir, Abur Hamid Usman, Norsaleha Mohd Saleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman,. (2020). Model Terapi Psikospiritual Islam Untuk Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut al-Ghazali. In A. H. Mohd Mahfuz Jaafar, Diskusi Akademia Pengajian Islam Semasa (pp. 60- 75). Kajang: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Siti Mahfuzah Shafiei. (2002). Konsep Tazkiyyah al-Nafs Dari Sudut Tasawuf Menurut Pandangan al-Muhasibi. Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Sulami, Abi 'Abd al-Rahman Muhammad bin al-Husain. (1998). *Tabaqat al-Sufiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.

- Taufikurrahman. (2021). Sombong Dalam al-Quran Sebuah Kajian Tematik. *Tafsere*, 9(2): 192- 212.
- Zidni Nuran & Zaizul Ab. Rahman,. (2017). Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam al-Ghazali dan Ibn Qayyim. *Jurnal al-Turath*, 5(2): 37- 46.